

**TALKING POINTS**  
**YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT**  
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**  
**19 MEI 2015 (SELASA)**

**ALUAN**

**YB Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi**  
Timbalan Menteri Pengangkutan

**YBhg Datuk Dr. Ismail bin Haji Bakar**  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

**YBhg. Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan

**YBrs. Tuan Chua Kok Ching**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengangkutan

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Jabatan/ Agensi, Pegawai-  
Pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan/ Jabatan/ Agensi

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan, seluruh warga  
Kementerian Pengangkutan yang dikasihi dan dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua warga MOT yang hadir pada perhimpunan bulanan kali ini. Penghargaan saya kepada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan selaku penganjur Perhimpunan Bulanan 1MOT untuk Bulan Mei 2015.

### *Perpindahan JPJ ke Bangunan Kementerian Pengangkutan*

2. Seperti yang kita sedia maklum, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah berpindah ke bangunan Kementerian dan mula beroperasi pada 27 April 2015 yang lepas. JPJ kini menduduki aras tiga, empat dan Lima bangunan kementerian pengangkutan ini dengan kapasiti seramai 500 orang.
3. Untuk itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran warga JPJ ke sini. Semoga dengan perpindahan ke tempat baharu yang dilengkapi dengan kemudahan dan fasiliti yang lebih selesa ini diharap dapat meningkatkan produktiviti semua pegawai dan kakitangan dan seterusnya organisasi ini.

## **SAMBUTAN HARI PEKERJA TAHUN 2015**

Tuan-tuan, puan-puan, warga MOT sekalian,

4. Saya kira tidak terlalu lewat untuk saya bagi mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada semua warga MOT dan Jabatan serta Agensi dibawah kementerian.

5. Hari Pekerja disambut setiap tahun bagi menghargai sumbangan golongan pekerja terutamanya dalam kemajuan Negara serta menyedari betapa pentingnya peranan pekerja sebagai penentu aras produktiviti. Program-program yang dirancang seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) serta Dasar Transformasi Nasional yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan hanya dapat direalisasikan dengan komitmen penuh serta produktiviti golongan pekerja.
6. Tema bagi hari pekerja tahun ini ialah Pekerja Sihat Produktiviti Meningkat dimana pegawai dan kakitangan yang sentiasa mengutamakan kesihatan yang baik secara langsung akan meningkatkan produktiviti serta kualiti kerja yang tinggi seterusnya membawa kepada kemajuan negara.
7. Bagi menyokong tema hari pekerja tersebut, Kelab Sukan Dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) telah merancang aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 2015 bagi memberi laluan kepada warga Kementerian untuk kekal sihat. Antara aktiviti-aktiviti dirancang adalah My Healthy Life @ MOT iaitu senamrobik yang diadakan pada setiap Jumaat petang dimana warga MOT dapat bersenam bersama-sama. Acara ini telah bermula pada awal bulan Mei dan mendapat sambutan menggalakkan dari warga MOT dan JPJ.
8. KSKKP turut merancang untuk mengadakan pertandingan sukan seperti boling, futsal dan badminton. Pertandingan sukan inter-agensi turut dirancang bagi membolehkan penglibatan yang meluas dari semua pihak. Turut dirancang ialah aktiviti berbasikal, mendaki bukit dan marathon bagi mempelbagaikan kegiatan riadah agar dapat menarik minat pelbagai lapisan warga kerja supaya melibatkan diri dalam aktiviti kesukanan.
9. Saya berharap aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh KSKKP akan mendapat sambutan dari warga MOT dan juga JPJ bagi memupuk kesedaran mengenai pentingnya menjaga kesihatan bagi

mbolehkan tugas yang dilaksanakan dipejabat tidak terjejas selain meningkatkan produktiviti.

## **PENGANJURAN 4TH TFM DAN 39TH STOM**

Tuan-tuan, puan-puan, warga MOT sekalian,

10. Bersempena dengan Kepengerusian ASEAN 2015 oleh Malaysia, Kementerian Pengangkutan menganjurkan Mesyuarat *4th Task Force Meeting on The Development of Successor ASEAN Strategic Transport Plan* (4th TFM) dan Mesyuarat *ASEAN 39th Senior Transport Official Meeting* (39th STOM) pada 11-14 Mei 2015 lalu di Melaka. Mesyuarat ini diadakan sebagai persediaan kepada Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN ke-21 (21st ATM) yang bakal diadakan di Kuala Lumpur November ini.
11. Saya amat berpuas hati dengan hasil mesyuarat tersebut yang mana pelbagai hasil positif yang amat memberangsangkan telah dapat dicapai oleh para delegasi daripada Negara-negara anggota ASEAN. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Datuk KSU ini telah dihadiri oleh lebih daripada seratus orang delegasi daripada Negara-negara anggota ASEAN termasuk wakil-wakil dari Rakan Dialog ASEAN iaitu Korea dan Jepun.
12. Antara keputusan mesyuarat yang telah dicapai termasuk Pelan Strategik Pengangkutan ASEAN (ASEAN Transport Strategic Plan) yang akan digunapakai oleh Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN di dalam mesyuarat ATM ke-21. Beberapa perjanjian, komitmen dan rundingan dengan negara-negara anggota telah dimuktamadkan dan dijadual untuk ditandatangani pada mesyuarat peringkat menteri berkenaan. Ini termasuk *Commitment for the Eight Round of Air Transport Sectoral Negotiations* serta *ASEAN Framework Agreement on Cross Border Transport of Passengers*.

13. Justeru itu, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada urus setia yang telah Berjaya menganjurkan mesyuarat tersebut dengan kerjasama semua bahagian dan unit yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak. Juga ucapan terima kasih saya ucapkan bagi pihak kementerian kepada Kerajaan Negeri Melaka di atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan bagi menjayakan penganjuran mesyuarat tersebut.

## **PELANCARAN LAMAN WEB KEMENTERIAN YANG BARU**

Warga MOT sekalian,

14. Kita perlu sedar bahawa di dalam era teknologi kini, penyampaian dan perkongsian informasi dan maklumat adalah sangat penting. Sebagai kerajaan yang prihatin dan telus, kita perlu memastikan bahawa maklumat dan informasi disampaikan kepada rakyat dengan cepat, tepat dan telus melalui platform-platform seperti laman web kementerian.
15. Lebih utama lagi bagi kementerian pengangkutan, dengan pelbagai tragedi yang berlaku akhir-akhir ini, orang ramai sentiasa menginginkan maklumat dan informasi terkini. Untuk itu, kita perlu memastikan bahawa medium-medium penyampaian maklumat ini sentiasa dikemaskini dan mesra pelanggan, ataupun *user friendly*.
16. Oleh yang demikian, dengan sukacitanya saya umumkan bahawa Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bersama-sama dengan Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah memberi suntikan baru kepada laman web kementerian supaya lebih menepati citarasa masyarakat masa kini.
17. Apa yang lebih membanggakan adalah bagi proses penambahbaikan ini, ianya dilakukan secara dalaman oleh BPM dan UKK sendiri tanpa

menggunakan khidmat pihak luar. Saya juga amat berbangga dengan kerjasama yang diberikan oleh semua bahagian dalam menyediakan dan mengemaskini maklumat dan kandungan di dalam laman web.

18. Untuk itu, saya dengan berbesar hati dan rasa cukup gembira melancarkan laman web kementerian pengangkutan yang berwajah baru yang akan mula aktif pada hari ini.

## **HARAPAN SAYA**

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua warga MOT di atas Anugerah Pengurusan Aduan Cemerlang Tahun 2014 yang disampaikan oleh Biro Pengaduan Awam, pada 12 Mei 2015 . Sijil ini merupakan anugerah yang diberikan kepada Kementerian-kementerian yang telah mencapai prestasi cemerlang dalam pengurusan aduan. Pada tahun 2014, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah berjaya menyelesaikan 100% aduan yang diterima. Selain daripada itu juga, saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas penarafan Lima (5) bintang laman web kementerian bagi tahun penilaian 2014. Diharapkan selepas penambahbaikan laman web ini, kementerian akan terus menerus dianugerahkan taraf laman web 5 bintang pada tahun-tahun akan datang.
20. Harapan saya adalah untuk kita, warga MOT bersama-sama berusaha dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kita dengan penuh amanah, beretika dan berhemah. Diharapkan dengan pelbagai anugerah yang diperolehi ini akan menjadi pemangkin dan pembakar semangat kepada kita semua untuk terus memberikan khidmat bakti yang cemerlang.

Dengan itu, sekian, terima kasih.

19 Mei 2015